

Dakwa kandang babi punca bau busuk

Penduduk terpaksa tanggung azab kawasan penternakan berhampiran dengan penempatan

■ NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN - Ribuan penduduk di sekitar Taman Utama Pekan Nenas di sini, menderita terpaksa menghidu bau busuk dipercayai berpunca dari kandang penternakan babi yang beroperasi berhampiran kawasan penempatan mereka.

Penduduk mendakwa, masalah bau busuk yang dilalui saban hari itu telah berlarutan begitu lama sehingga menjejaskan kehidupan seharian mereka.

Akibatnya, penduduk terpaksa menutup pintu dan tingkap sepanjang hari bagi mengelak pencemaran bau yang begitu serius terutama pada waktu petang dan malam.

Paling membimbangkan, musim hujan yang berlaku hujung tahun meresahkan penduduk menghadapi pencemaran bau yang semakin teruk.

Seorang peniaga kedai makan, Ismail Ibrahim, 52, berkata, bau busuk semakin kuat apabila hari hujan menyebabkan pelanggan merungut.

"Isu bau busuk di Pekan Nenas dah lama dah, bermula dari pekan sampai kawasan di sini membangun dengan sektor industri, masalah bau busuk masih tak selesai.

"Pekan Nenas boleh berubah jadi sebuah kawasan bandar dengan begitu banyak taman perumahan yang akan dibina, tapi penduduk rasa masalah bau busuk tidak berubah selagi tiada tindakan drastik diambil," katanya.

Menurutnya, bau busuk dapat dihidu di hampir setiap kawasan taman perumahan di Pekan Nenas.

Difahamkan, terdapat lebih dari sebuah kandang penternakan babi di sekitar Pekan Nenas dengan lokasinya agak tersorok.

Disebabkan bau busuk yang meloyakan itu setiap kali angin bertiup,

dia bimbang perniagaan makanan yang diusahakan akan terjejas.

Tambahnya, setiap kali angin bertiup pencemaran bau akan berlaku, dan bau busuk kerap kali menyebabkan pelanggan hilang selera makan.

"Bagi masyarakat luar yang datang ke Pekan Nenas pula, bau busuk menyebabkan mereka tak selesa dan selalu tanya kepada penduduk tempatan pasal bau tersebut.

"Pastinya ia mencemarkan imej Pekan Nenas yang terletak di laluan utama ke Pontian dan Johor Bahru," katanya.

Tutup hidung di sekolah

Bau busuk yang dipercayai berpunca dari ladang ternakan babi itu bukan sahaja menyebabkan ketidakselesaan penduduk malah turut mengganggu proses pembelajaran di Sekolah Agama Batu 24, Pekan Nenas.

Guru besar sekolah, Saenah Nurong berkata, tumpuan pengajaran dan pembelajaran sukar diberikan oleh guru mahupun murid disebabkan masalah itu.

"Murid-murid terpaksa menutup hidung dengan tangan dan ada juga menggunakan sapu tangan kerana tidak tahan dengan bau tersebut.

"Lagi teruk, keadaan bau busuk menimbulkan rasa kurang selesa kepada tetamu yang datang bagi membuat tinjauan dan pemeriksaan di sekolah," katanya.

Menurutnya, aduan berhubung pencemaran bau tersebut telah dimaklumkan kepada pihak yang terlibat.

Jelasnya, walaupun masalah bau busuk tidak dialami sepanjang masa, ia tetap menimbulkan rasa kurang selesa murid dan guru.

Beliau juga bimbang pencemaran bau tersebut akan mengganggu



Kandang ternakan babi yang terletak berhampiran kawasan petempatan penduduk.

kesihatan murid-murid sehingga menyebabkan mereka tidak dapat hadir ke sekolah.

"Tindakan sewajarnya patut diambil bagi mengurangkan masalah bau dan dirasakan lebih elok sekiranya kandang babi tersebut dipindahkan," katanya.

Bimbang kesihatan anak

Penduduk, Hishamudin Husin, 35, pula berkata, bau busuk bukan sahaja menyebabkan tumpuan anak terganggu ketika mengulangkaji pelajaran, malah kesihatan turut terancam.

Bapa kepada dua anak ini berkata, dia bimbang dengan keadaan kesihatan anaknya yang mengalami alahan dan sesak nafas.

"Anak sulung berusia 11 tahun ada asma dan kerap kali tak sihat sampai terpaksa ambil cuti sakit.

"Saya akan pastikan pintu dan tingkap rumah ditutup bagi mengelak pencemaran bau," katanya.

Ada lima ladang ternakan

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Zam Hashim berkata, dia menganggarkan terdapat sekurang-kurangnya lima ladang ternakan babi di sekitar Pekan Nenas dan laluan Pontian-Johor Bahru.

Menurutnya, dipercayai setiap kandang boleh memuatkan lebih kurang 40 babi dengan setiap ladang mempunyai sekurang-kurangnya 20 kandang.

Dia turut mendakwa tahap pencemaran air sungai Jeram Batu dan

sekitar semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

"Air jadi keruh dan berbau, kami risau najis babi dibuang tanpa kawalan akan mengakibatkan sungai tersebut tercemar lebih teruk pada masa depan," katanya.

Pantau isu bau busuk

Bagi Adun Pekan Nenas, Yeo Tung Siong, pihaknya sentiasa memantau masalah bau yang membelenggu penduduk Pekan Nenas.

Malah, pihaknya telah bertemu dengan pengusaha pada lawatan ke kandang penternakan babi di sekitar Pekan Nenas.

"Penduduk juga telah mengemukakan aduan masalah pencemaran bau di sini dan ada yang minta supaya kandang itu dipindahkan.

"Saya difahamkan pengusaha mahu berpindah ke tempat lain difahamkan di Kota Tinggi, tetapi mereka berdepan masalah ubah syarat tanah di sana," katanya.

Justeru, beliau meminta pengusaha mematuhi peraturan ditetapkan bagi mengurangkan masalah bau selain menjaga kebersihan kawasan ternakan.

"Pada lawatan diadakan, didapati kaedah EM telah digunakan pengusaha bagi mengurangkan masalah bau.

"Bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Veteriner diminta memantau ladang ternakan supaya bersih bagi mengatasi bau busuk," katanya.



Murid dan guru terpaksa menutup hidung di sekolah.



Keadaan tali air yang tercemar.